

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

SABTU, 6 FEBRUARI, 1982

LANGKAH BRITISH MEMESRAKAN HUBUNGAN

RENCANA PENGARANG

MENTERI Luar British, Lord Carrington, memulakan lawatan tiga hari ke Malaysia hari ini dalam rangka kunjungannya ke negara-negara Asean. Di Britain dan juga di sini lawatan ini dipandang sebagai usaha lanjut British untuk memesrakan semula hubungan antara kedua negara yang retak dalam bulan Oktober tahun lalu bila Britain meminda dengan mengejut peraturan mengenal pengambil-alihan syarikat-syarikat berdaftar di pasaran saham London. Walaupun Britain berkeras menafikan yang dilakukan ini berkaitan dengannya, ia dilakukan sebaik PNB berjaya menguasai Guthrie Corporation mengikut amalan biasa.

Reaksi dari Malaysia adalah cepat dan tajam. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengarahkan semua kontrak dengan agensi-agensi Kerajaan ditapis lebih dulu oleh Jabatannya dan semua tender syarikat-syarikat British mestilah disertakan dengan sebutarga dari syarikat-

syarikat lain. Ringkasnya arahan ini menghapuskan layanan istimewa yang diberi secara tradisi kepada syarikat-syarikat British. Dr. Mahathir berkata, jika British boleh menukar peraturannya pada ketika kita mulai masak dengannya, kita juga boleh menukar peraturan kita.

Tetapi ini cumalah satu dari punca perubahan sikap Malaysia itu. Banyak lagi sebab lain yang bertanggungjawab mencetuskannya. Tidak lama sebelum itu Britain menaikkan bayaran pelajaran bagi pelajar-pelajar asing di negara itu. Syarikat-syarikat British di sini terus bersikap angkuh seperti di zaman penjajahan dan enggan memenuhi hasrat DEB. Britain tidak memberi layanan kepada permintaan MAS untuk menambah hak mendaratnya di negara itu, sementara mengamalkan dasar sikap perlindungan perdagangan yang merugikan Malaysia.

Tentunya Malaysia mengalu-alukan sebarang langkah oleh Britain untuk

memperbaiki semula hubungan ini. Malaysia tidak sedikit pun berniat untuk memburukkan keadaan. Apa yang berlaku sekarang adalah semata-mata berpunca dari sikap Kerajaan, syarikat-syarikat dan akhbar-akhbar British. Mengetahui sendiri dari dekat sikap dan dasar sebenar Malaysia adalah jalan yang sebaik-baiknya untuk tujuan ini. Seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri, Malaysia sentiasa bersedia menjelaskan dasar-dasarnya kepada sesiapa yang bertanya, tetapi tidak ada sebab bagi kita meminta maaf kerananya.

Perubahan kepada hubungan yang lebih mesra memang tidak mustahil, tetapi ia memerlukan tindakan setimpal, bukannya setakat lawatan seorang berdua menteri saja. Sikap British dan syarikat-syarikatnya di sini harus lebih dulu berubah. Malaysia tidak mudah diabui oleh kata-kata saja, tetapi ingin melihat buktinya dengan amalan terlebih dulu.